



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGGUNAAN UNSUR ALAM SEBAGAI PERLAMBANGAN  
DALAM PUISI MELAYU MODEN**

**ZURINAH HASSAN**

**FBMK 2001 8**

**PENGGUNAAN UNSUR ALAM SEBAGAI PERLAMBANGAN  
DALAM PUISI MELAYU MODEN**

**ZURINAH HASSAN**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
2001**



**PENGGUNAAN UNSUR ALAM SEBAGAI PERLAMBANGAN  
DALAM PUISI MELAYU MODEN**

**ZURINAH HASSAN**

**Dikemukakan sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera  
Di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia**

**Mei 2001**



## **DEDIKASI**

***Kepada suami yang dikasihi***

Mohamed Saaid Abdul Manap  
yang menyediakan ruang bagi memburu kejayaan

***Untuk anak-anak buah hatiku***

Raihani, Ainul Huda, Taufiq, Faiz, Aina Mastura  
yang menjadi sumber inspirasi dan kekuatan diri.

***Untuk kenangan sahabat handai***

yang pernah memberi kata-kata perangsang.

Dharmawijaya, Lim Swee Tin, Muhammad Haji Salleh,  
Ramli Isin, Siti Zaleha M.Hashim, Baha Zain,  
Mahaya Mohd. Yassin, Zubir Ali, Abdullah Hussein,  
Ariffin Said, A.Samad Said dan ramai lagi.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **PENGGUNAAN UNSUR ALAM SEBAGAI PERLAMBANGAN DALAM PUASI MELAYU MODEN**

Oleh

**ZURINAH BT. HASSAN**

**Pengerusi:** Encik Kamaruzzaman A. Kadir

**Fakulti:** Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Latihan ilmiah ini meneliti dan menganalisis penggunaan unsur alam sebagai perlambangan di dalam puisi Melayu moden. Perlambangan atau simbolisme adalah aspek yang penting di dalam penulisan puisi. Untuk tujuan pengkajian ini, istilah perlambangan digunakan dalam pengertiannya yang luas merujuk kepada penggunaan sesuatu perkataan untuk membawa makna yang lebih dari maknanya yang biasa. Perlambangan terjadi bila sesuatu perkataan diasosiasikan dengan sesuatu objek atau idea yang lain. Perlambangan biasanya terlihat di dalam metafora, simili dan personifikasi.

Kajian ini cuba mengenal pasti sumber pembinaan sesebuah metafora, simili dan personifikasi. Punca terpenting ialah alam persekitaran di

sekeliling seorang penyair. Kebanyakan puisi adalah merupakan reaksi atau kesan alam sekeliling pada emosi atau pemikiran penyair. Penyair menghubungkan unsur-unsur alam di sekitarnya dengan kehidupan dan perlakuan manusia. Melalui kajian ini dapatlah dianalisis hubungan dan pertalian tersebut.

Pembicaraan ini dibuat dengan meneliti sejumlah 193 buah puisi yang dikutip dari pelbagai kumpulan dan antologi puisi yang diterbitkan di Malaysia dari tahun 1969 hingga 1999 meliputi jangka masa tiga puluh tahun. Hampir semua penyair-penyair yang dianggap penting diwakili di dalam kajian ini.

Bahagian pertama pembicaraan ditumpukan kepada penggunaan unsur alam dari alam jagat raya atau alam semula jadi. Tergolong di bawah ini ialah penggunaan pohon dan tumbuh-tumbuhan, laut, gunung dan sungai, peredaran masa dan cuaca dan pelbagai jenis haiwan.

Alam semula jadi atau alam jagat raya adalah unsur yang paling dominan di dalam puisi-puisi yang dikaji. Unsur kedua ialah alam ciptaan manusia yang meliputi jalanraya, pengangkutan darat seperti bas dan perhentian bas, keretapi dan perhentian keretapi. Di bawah unsur ini termasuk juga pengangkutan laut seperti kapal dan pelabuhan.

Perlambangan di dalam puisi Melayu moden adalah bertolak dari perlambangan yang telah terkenal dan diterima di dalam puisi Melayu tradisi terutama pantun dan peribahasa. Kebanyakan perkataan yang digunakan membawa makna yang sama seperti mana yang digunakan di dalam puisi warisan. Terdapat keseragaman dan persamaan di dalam penggunaan lambang dan perlambangan di antara penyair walaupun mereka menulis secara individu dari tempat yang berlainan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in fulfillment of requirement for the degree of Master of Arts.

**THE APPLICATION OF ELEMENTS OF NATURE AS SYMBOLISM  
IN MODERN MALAY POETRY**  
By

**ZURINAH HASSAN**

**Chairman:** Mr. Kamaruzzaman A.Kadir

**Faculty:** Faculty of Modern Language and Communication

This dissertation evaluates and analyzes the elements of nature as symbolism in modern Malay poetry. Symbolism is an important aspect in poetry and poetic craft. For purpose of this study the term symbolism is taken in its widest sense to imply the use of a word to carry more than its literal meaning. Symbolism is said to occur when a word is associated with other objects or ideas. This is often seen in the use of metaphors, similes and personification in poetry.

The metaphors, similes and personification have been traced to their sources. Of this, the most important source of symbolism is the poets natural surrounding or the elements of nature ( termed in this dissertation as "*unsur alam*" ) . In fact most poems are seen to be the poets emotional

response to nature. The poets have used natural scenery in its association with human life and events. The study attempts to examine the relationship and connection between the symbols and the ideas that they symbolized.

The study is based on 193 poems collected from various poetry books (anthologies) published in Malaysia between 1969 and 1999, covering the period of thirty years. The poetry have been written by poets from all over the country. Almost all important poets are represented in this discussion.

The dissertation begins with an analysis of poems using the elements of natural environment and natural phenomena. Poets have used natural environment such as plants and growth, the sea, the mountains and rivers, time and weather and various types of animals to represent their thoughts and ideas.

Natural environment have been employed extensively by the poets. Next to this is the man-made physical surrounding. This includes roads and highways, land transportation and terminals, railway tracks and railway stations, ships, ports and waterfronts.

Symbolism in modern Malay poetry has its origin in the traditional poetry mainly the *pantuns* and proverbs. Modern Malay poets carry on the tradition of their predecessor in the sense that many of the symbols are the

continuation of the traditional poetry. There is a general agreement among the modern poets in their choice of symbols although they are writing individually from different parts of the country.

## **PENGHARGAAN**

Amat bersyukur saya ke hadzrat Allah yang Maha Penyayang kerana dengan taufiq dan hidayah\_Nya dapatlah saya menyelesaikan kajian ini

Sesungguhnya kajian ini tidak akan dapat disempurnakan tanpa bantuan dan pertolongan Penyelia saya, Encik Kamaruzzaman bin Abdul Kadir Beliau bukan sahaja telah membimbang dan memberikan tunjuk ajar sebagai seorang penyelia Lebih dari itu beliau adalah seorang sahabat yang sentiasa mendorong ke arah kejayaan ini

Terima kasih juga kepada Dr Ramlı Isin dan Encik Abdul Rahim Marasidi yang sudi meluangkan masa bagi turut menyelia kajian ini Saya juga tidak melupakan segala bantuan Dr Samsina Abdul Rahman serta semua tenaga pengajar dan tenaga pentadbiran di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Saya juga amat berterima kasih kepada semua yang telah membantu di dalam merealisasikan cita-cita ini Untuk semua, tiada kata-kata yang lebih bermakna dari Terima Kasih

### **ZURINAH HASSAN**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

## KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>PENGHARGAAN</b>	ix
<b>LEMBARAN PENGESAHAN</b>	x
<b>PENGAKUAN</b>	xii

## BAB

I.	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	Pengenalan	1
	Penyataan Kajian	3
	Kepentingan Kajian	8
	Objektif Kajian	10
	Perbatasan Kajian	11
	Pemilihan Bahan Kajian	14
	Kaedah Kajian	16
	Definisi Konsep	17
	Metafora	20
	Personifikasi	21
	Simile	22
	Hubungan Kesetaraan	22
II	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	21
	Kajian Puisi Melayu dari Aspek Perlambangan	31
III	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	42
	Pengenalan	42
	Teori Simbolisme	43

<b>IV</b>	<b>UNSUR ALAM SEBAGAI PERLAMBANGAN DALAM PUISI-PUISI MELAYU</b>	
Pengenalan	47	
Tumbuh-tumbuhan	46	
Daun	61	
Bunga	79	
Akar	90	
Tangkai dan Buah	95	
Teratai, Seroja, Kiambang	97	
Lalang	99	
Lumut	103	
Ranting dan Duri	104	
Hutan rimba	108	
Ladang	109	
Laut	112	
Pulau-pulau	130	
Hujan	131	
Haiwan	139	
Sungai	160	
Embun	165	
Waktu	168	
Alam Ciptaan Manusia	173	
Jalan raya	174	
Bas dan Perhentian Bas	181	
Keretapi, Landasan Keretapi, Stesen Keretapi	185	
Pengangkutan Laut dan Pelabuhan	188	
Rumusan	204	
<b>V.</b>	<b>KESIMPULAN</b>	206
<b>BIBLIOGRAFI</b>		213
<b>LAMPIRAN</b>		
Lampiran I Kumpulan Puisi Sumber Bahan Analisis	216	
Lampiran II Puisi-puisi yang digunakan Sebagai BahanAnalisis	219	
Lampiran III Senarai Perlambangan	231	
Biodata	232	

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Sebuah puisi, termasuk puisi moden (sajak) terdiri dari ‘isi’ dan ‘bentuk’ Isi sebuah sajak bermaksud mesej, tema, pemikiran, perasaan, ide dan gagasan yang ingin disampaikan oleh penyair (penulis puisi) Yang dimaksudkan dengan ‘bentuk’ ialah wadah atau perantaraan (vehicle) yang digunakan untuk menyampaikan isi ‘Perantaraan’ bagi penyair ialah bahasanya Cara penyair menggunakan bahasa disebut sebagai gaya bahasa

Gaya bahasa seorang penyair memperlihatkan identiti seorang penyair atau ciri yang membezakannya dari penyair-penyair lain

Dalam menggunakan bahasa, penyair memanipulasikan pelbagai ‘cara berpuisi’ yang juga dikenali sebagai ‘*poetic devices*’ Penyair memilih *poetic device* untuk menerbitkan makna dan membangkitkan perasaan pembaca Salah satu ‘*poetic device*’ yang digunakan oleh penyair ialah ‘lambang’ atau ‘perlambangan’

Untuk tujuan kajian ini, istilah perlambangan digunakan dengan pengertian yang luas Perlambangan dikira telah terjadi bila mana terdapat unsur-unsur seperti di bawah

- 1) Penggunaan satu perkataan bagi maksud sesuatu yang lain
- 2) Menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain
- 3) Membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain
- 4) Mengasosiasi, mengaitkan dan menghubungkan sesuatu dengan yang lain

Lambang yang digunakan oleh penyair bertujuan menjelaskan lagi ‘makna’ di samping memberi impak terhadap pemikiran dan perasaan pembaca (audien puisi) Secara umumnya perlambangan terjadi di dalam penggunaan metafora, simili dan personifikasi

## **Penyataan Kajian**

Kajian terhadap puisi Melayu moden telah banyak dibuat dari pelbagai sudut Ini termasuklah kajian dari aspek isi dan juga bentuk sajak Walau bagaimanapun pengkaji berpendapat bahawa belum ada kajian yang khusus untuk melihat aspek perlambangan di dalam sajak

Unsur alam dan perlambangan adalah dua unsur penting di dalam puisi Penyair sering merenung alam di sekelilingnya Dari renungan itu dia menemui makna kehidupan Sesuatu yang direnungnya meningatkananya kepada kehidupan yang dilalui oleh manusia Misalnya gunung ganang akan mengingatkananya kepada harapan dan cita-cita manusia yang juga tinggi Pulau yang jauh mengingatkan kepada impian yang tidak mudah dicapai Rama-rama yang terbang mengingatkan kepada masa remaja yang indah dan penuh keriangan Dari pengertian dan ingatan-ingatan inilah seseorang penyair mendapat bahan untuk dituliskan

Penyair menggunakan unsur alam dengan pelbagai cara dan tujuan

Dua cara yang penting ialah

1) Sebagai latar belakang (background) kepada sesuatu peristiwa

Penggunaan unsur alam dalam cara begini bertujuan untuk membangkitkan suasana yang sesuai dengan peristiwa yang digambarkan Misalnya hujan turun ketika watak bersedih Hujan dengan air yang menitik dikaitkan dengan tangisan seolah-olah seluruh alam turut sama-sama berduka Di sini hujan dapat menambahkan intensiti kepada perasaan sedih itu Satu contoh lagi ialah bunga-bunga yang berkembangan ketika dua insan bercinta Cinta dan harapan adalah sesuatu yang indah , oleh itu keindahan itu ditambah dengan bunga-bunga

2) Sebagai sumber perlambangan

Sehubungan dengan cara atau tujuan ini, menurut H B Jassin "Seniman yang halus perasaanya sangat rapat hubungannya dengan alam sekitar Dalam angan-angannya alam itu hidup juga dantumbuh-tumbuhan , batu-batu dan bunga-bungaan baginya ialah makhluk yang bernyawa (H B Jassin 1968 114)

Kajian ini akan ditumpukan kepada penggunaan alam dengan cara yang kedua iaitu alam sebagai sumber perlambangan. Penggunaan lambang merupakan ‘poetic device’ yang dominan di dalam penciptaan sajak. Kajian khusus mengenainya adalah diperlukan berdasarkan beberapa permasalahan.

1) Penyair sering menggunakan unsur alam untuk menyampaikan isi sajak. Oleh itu adalah penting dilihat apakah hubungan atau kaitan di antara unsur alam itu dengan sesuatu yang dimaksudkan. Di dalam puisi Melayu terdapat ungkapan yang berbentuk metafora , contohnya, ‘sungai takdir’ (Muhammad Haji Salleh), ‘Ranting mimpi’ (Ahmad Sarju), ‘Gelombang kenangan’ (Baha Zain), ‘Tunjang keyakinan’ (Dharmawijaya), Daun hayatku (A.Wahab Ali). Kajian ini akan menghuraikan bagaimana metafora tersebut telah dibina, iaitu apakah hubungan di antara sungai dan takdir, ranting dan mimpi, gelombang dan kenangan, tunjang dan keyakinan , daun dan hayat.

2) Pemasalahan kedua terbit dari sikap pembaca puisi malah penyair juga yang kurang peka dan kurang mempedulikan makna atau maksud sesuatu perkataan atau ungkapan walaupun sering menggunakannya.Penggunaan lambang sebenarnya adalah amat lumrah di dalam maupun di luar puisi. Di dalam percakapan sehari-hari juga terdapat

unsur-unsur berkenaan di dalam Bahasa Melayu ia didapati di dalam Bahasa Kiasan, Simpulan Bahasa dan Perumpamanan Penggunaan yang meluas menyebabkan masyarakat bersikap ‘*take for granted*’ akan makna dan maksudnya yang sebenar

Sebagai contoh ialah ungkapan ‘senja lembayung’ atau ‘langit lembayung’ dan ‘harum kasturi’ Bila pengkaji membuat tinjauan secara rambang pengkaji mendapat pada keseluruhannya pengguna tidak mengetahui erti ‘lembayung’ yang sebenar Ada yang memberi jawaban bahawa lembayung bermaksud ‘langit’, ‘warna merah’ dan sebagainya Merujuk kepada *Kamus Dewan*, didapati bahawa ‘lembayung’ ialah sejenis tumbuhan iaitu sejenis keladi Keladi tersebut berwarna merah dan warna merah itu digunakan untuk menggambarkan waktu senja dan sebagainya sebagaimana ungkapan ‘kuning kunyit’ dan ‘hijau pucuk pisang’

Satu lagi perkataan yang sering digunakan ialah “wangi kasturi” Kasturi diterima sebagai lambang sesuatu yang harum Walau bagaimanapun ramai yang tidak mengenalnya Bila dirujuk kepada *Kamus Dewan*, kasturi (ejaan yang betul ialah *kesturi*) terdapat tiga makna yang mempunyai kaitan dengan keharuman

- i) sejenis benda yang harum baunya diperolehi dari musang jebat.
- ii) Tikus kecil yang berbau
- iii) Sejenis tumbuh-tumbuhan –pokok yang harum kayunya.

Dengan itu bolehlah dirumuskan bahawa ungkapan ‘sewangi kesturi’ berasal dari salah satu dari perkara di atas.

Huraian di atas menunjukkan bahawa terdapat penggunaan lambang yang sebenarnya tidak difahami oleh penggunanya. Kajian ini juga mengkaji ketepatan dan kesesuaian sesuatu perlambangan yang digunakan. Misalnya kiambang digunakan bagi maksud seseorang yang tidak berpendirian. Hal ini terjadi kerana kiambang yang terapung di air dengan akarnya yang tidak terjejak ke bumi. Selain dari kiambang ‘teratai ‘yang tumbuh di dalam air juga digunakan bagi maksud yang sama. Walau bagaimanapun ketepatannya boleh dipersoalkan kerana teratai mempunyai akar yang mencengkam tanah. Oleh itu kajian ini juga melibatkan kajian ke atas jenis tumbuh-tumbuhan yang digunakan sebagai perlambangan.

Salah satu polemik yang timbul di dalam persajakan Melayu ialah tentang sajak kabur (Shahnon Ahmad, DBP.1993). Sajak-sajak dikatakan

sukar difahami kerana penggunaan lambang yang bersifat ‘personal’ Di dalam hubungan ini, pengkaji juga bertujuan mencari jawaban apakah terdapatnya lambang yang personal atau perlambangan puisi terjadi kerana terdapatnya ide yang diterima secara universal

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah penting kerana beberapa perkara Kekuatan sebuah sajak terletak kepada Isi dan Gaya Bahasa Oleh itu kajian dari aspek gaya bahasa adalah satu kajian yang penting (Rahman Shaari, DBP 1993) Ini akan membantu di dalam menghayati dan menilai sesebuah puisi

Perlambangan adalah aspek utama atau dominan di dalam gaya bahasa Perlambangan terjadi, antara lain, melalui penggunaan metafora, simile dan personifikasi Penggunaan lambang merupakan satu cara untuk menyampaikan maksud puisi dan mempertingkat nilai estetika sesebuah puisi

Perlambangan telah hidup subur dan digunakan secara meluas di dalam puisi-puisi Melayu tradisional seperti pantun dan syair Penggunaan lambang juga memperlihatkan keakraban orang-orang Melayu dengan alam

Unsur-unsur alam seperti laut, sungai, gunung digunakan untuk membawa pengertian yang tertentu Walaupun begitu belum ada satu kajian yang khusus mengenainya Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menghuraí aspek penggunaan perlambangan di dalam puisi Melayu moden Hasil kajian ini akan dapat membantu ke arah pemahaman dan penghayatan puisi di kalangan pembaca

Selain dari itu, kajian dilakukan untuk mengenal pasti bagaimana sesuatu perlambangan, misalnya di dalam metafora, simile dan personifikasi telah digunakan

Dengan kajian ini diharap dapat menyumbang ke arah memperjelaskan lagi penggunaan perlambangan di dalam puisi Pengkaji berpendapat bahawa pembaca atau khalayak sastera seharusnya menerima penggunaan lambang di dalam puisi sebagai sesuatu yang lumrah dan bukannya sesuatu yang akan menjadi faktor ‘penolakan’ Pada masa ini terdapat pendapat umum yang menyatakan bahawa penggunaan perlambangan menjadi faktor sajak-sajak tidak dapat diterima oleh masyarakat Tentang ini terdapat tulisan Shahnon Ahmad “masyarakat yang selama ini hanya menerima tanpa banyak ketelitian dan penggunaan pemikiran sendiri Kejelasan dalam setiap sajak amat penting bagi masyarakat kita sehingga kalau tertangkap sesuatu yang